Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نخودا

BIL: 8/15 SYAABAN 1435H/13 JUN 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

KEUTAMAAN BERDOA

Hadhrat Abul-Laits Rahmatullah 'Alaih telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Hadhrat Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata bahawa Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدْعُوْ بِدُعَاءٍ إِلاَّ اسْتُجِيْبَ لَهُ فَأَمَّا أَنْ يُعَجَّلَ لَهُ فِي الدُّنْيَا وَإِمَّا أَنْ يُدَخَّرَ لَهُ فِي الأَخِرَةِ وَإِمَّا أَنْ يُكَفِّرَ عَنْهُ مِنْ ذُنُوْبِهِ بِقَدْرِ مَا دَعَا مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ قَطِيْعَةِ رَحْمٍ. (تنبيه الغافلين)

"Tiada seorang Muslim yang berdoa melainkan pasti diterima, maka adakalanya disegerakan pemberian hajatnya di dunia atau disimpan untuknya di Akhirat atau digunakan untuk menebus dosa-dosa menurut kadar doanya selama tidak berdoa untuk dosa atau untuk memutuskan hubungan Silaturahim." [Tanbihul-Ghafilin]

PENGAJARAN HADITS

Pada Hari Qiyamat nanti Allah akan menghidangkan pada setiap hambaNya doa-doa yang telah diminta tetapi tidak diberikan di Dunia, maka akan diberitahu, "HambaKu telah berdoa tetapi Aku tahan doanya sehingga ke hari ini dan inilah pahala untuknya." Hamba tersebut akan dikurniakan pahala sehingga dia ingin sekiranya semua doanya hanya dibalas di Akhirat dan tidak diberikan di Dunia, kerana merasakan betapa besarnya kurniaan yang didapatinya di Akhirat. Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wasallam telah bersabda, "Doa itu ialah 'Ibadah," yakni mengabdikan diri kepada Allah.

FirmanNya pada ayat 60: Al-Mukmin,

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِيٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

"Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu, sesungguhnya orang-orang yang sombong Takabbur dari beribadat dan berdoa kepadaKu akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."

Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wasallam bersabda, "Selalu seseorang hamba dalam kebaikan selama mana dia tidak terburu-buru." Para Shahabat bertanya, "Bagaimana terburu-burunya Ya Rasulallah Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wasallam?" Jawab Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wasallam, "Dia berkata: Saya telah berdoa kepada Allah tetapi Dia masih belum diterima untukku." Abul-Laits Rahmatullah 'Alaih berkata. "Seharusnya seseorang yang berdoa meminta kepada Allah hendaklah suci perutnya dari makanan yang haram, kerana makanan yang haram itu dapat menghalangi diterimanya doa." Sa'ad Ibni Abi Waqqash Radhiyallahu 'Anhu berkata, "Ya Rasulallah, saya telah berdoa tetapi tidak diterima," jawab Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Aalihi Wasallam, "Wahai Sa'ad, tinggalkan makanan yang haram, kerana setiap perut yang telah kemasukan sesuap dari makanan yang haram, maka tidak diterima doanya selama empat puluh hari."

DOA MALAM NISHFU SYA'ABAN

Wahai Allah, Ya Tuhan yang membangkitkan dan tidaklah ada seorang pun yang membangkitkan Dia. Ya Tuhan yang memiliki kebesaran dan Maha Mulia. Tuhan Yang Maha Pemurah dan Pemberi Nikmat. Tidak ada Tuhan yang lain melainkan Engkau yang menolong orang-orang yang memohon pertolongan dan Maha Pelindung orang-orang yang memohon perlindungan dan Tuhan yang memberi keamanan dari sekalian yang menakutkan.

Ya Allah, andainya telah Engkau taqdirkan di sisiMu pada Azali bahawa aku celaka, sedikit rezeki, terusir dan diharamkan akan daku, maka daku bermohon agar dihapuskan apa yang tersurat dalam Azali itu dengan KemurahanMu, Ya Allah, mohon Engkau tukarkan pada Azali itu dari kecelakaan mahupun sedikit rezeki, juga yang selain itu mohon ianya ditukargantikan dengan kebahagiaan serta mendapat rezeki yang akan dipergunakan kepada kebaikan. Sesungguhnya Engkau telah mengatakan sebagaimana yang tercantum dalam Kata-kataMu yang Haqq, di dalam KitabMu Al-Quran yang diturunkan atas lidah NabiMu Muhammad yang diutus, iaitu firmanMu bahawa dihapuskan Allah barang yang dikehendakiNya dan ditetapkan dengan keagunganMu pada malam Nishfu Syaaban yang mulia ini yang padanya memisahkan tiap-tiap persoalan dan urusan yang tepat dan yang dipastikan bahawa kami bermohon Ya Allah agar Engkau singkirkan dari kami sebarang bala bencana yang kami ketahui mahupun yang tidak kami ketahui.

Engkaulah yang Maha Mengetahui dengannya, sesungguhnya Engkau Maha Mulia dan Maha Pemurah. Moga-moga Allah mengurniakan kebahagiaan dan kesejahteraan ke atas junjungan kami Nabi Muhammad, Ahli keluarganya dan Para Shahabatnya sekalian, dan segala puji adalah tertentu bagi Allah Tuhan pentadbir sekalian alam.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

WAHHABI, QADIYANI DAN BAHAI ADALAH PASAK-PASAK BRITISH MEMECAHBELAHKAN UMMAT ISLAM

Al-'Allamah Syahid Al-Mihrab Prof. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buti Rahimahullah telah berkata dalam khutbah beliau pada Hari Jumaat 5 Rejab 1423H / 5 September 2003:

"Seluruh dunia mengetahui tentang peranan kerajaan Britain yang memainkan peranan utama dalam memecah-belahkan Ummat Islam, dan aku terpaksa membentangkan kedudukan ini kepada kamu dengan disertakan beberapa nama dan dokumen. Barangsiapa yang pernah membaca buku ***"Tujuh Tunggak Hikmah" (Seven Pillars of Wisdom)*** oleh Lawrence dan membaca dokumen-domuken yang lain, akan tahu dengan sejelas-jelasnya apa yang aku katakan bahawa Britain telah memainkan peranan utamanya dalam memecah-belahkan Ummat Islam sebelum pihak-pihak yang lain dan mereka telah mewujudkan tiga pasak untuk itu."

"Pasak pertama: **Fahaman Al-Qadiyaniyyah,** ia adalah pasak yang diwujudkan oleh Britain di India dan kawasan-kawasan sekitarnya. Pasak kedua: **Fahaman Al-Babiyyah** atau **Al-Bahaiyyah,** ia adalah pasak yang diwujudkan oleh Britain di Mesir dan di beberapa penjuru di Asia Tenggara. Pasak ketiga: **Fahaman Al-Wahhabiyyah,** ia adalah pasak yang diwujudkan oleh Britain di kepulauan Arab, rujuklah kepada sumber yang telah aku nyatakan tadi untuk kamu mendapatkan pengakuan yang nyata dan berani mengenai perkara ini."

TOKOH ISLAM

ABU YAZID BISTAMI

Hadhrat Abu Yazid Thaifur bin 'Isa bin Adam bin Sarusyan Bistami adalah seorang Syaikh Sufi yang terkemuka dan luar biasa dengan gelaran Malak Ma'rifat dan Falak Muhabbat. Datuknya adalah berasal dari agama Majusi yang menyembah api, kemudian telah memeluk agama Islam dan menetap di Bistam.

Beliau telah menjadi seorang tokoh Sufi sepanjang zaman dan seorang Syaikh yang teragung pada zamannya dan digelar sebagai Sultan 'Arifin. Hadhrat Junaid Baghdadi telah berkata, "Abu Yazid bila berada di kalangan kami adalah seumpama Jibrail di kalangan para Malaikat."

Beliau tergolong dalam kalangan sepuluh Imam terkemuka dalam bidang Thariqat Tashawwuf dan juga memiliki sanad Hadits yang tinggi. Tiada sesiapa sebelumnya yang pernah terjun sebegitu dalam pada bidang kesufian. Dalam setiap masa dan keadaan beliau tetap memaparkan sikap penghormatannya terhadap pengamalan Syari'at dan kecintaannya terhadap perjalanan Thariqat.

Beliau tekun melakukan 'Ibadah, Mujahadah dan Riyadhah latihan kerohanian atas jalan Tashawwuf semenjak awal sehinggalah ke akhir perjalanannya.

Beliau berkata, "Selama tiga puluh tahun daku telah berusaha keras dan tidak mendapati sesuatu pun yang lebih sukar dari ilmu pengetahuan islam dan beramal dengannya. Jikalau tiada Ikhtilaf perbezaan pendapat di kalangan Para 'Ulama Islam, daku mungkin sudah menjadi binasa. Ikhtilaf perbezaan pendapat di kalangan 'Ulama sesungguhnya adalah merupakan suatu Rahmat kecuali dalam medan Tajrid dan Tauhid."

Hadhrat Abu Yazid adalah Imam Thariqat Thaifuriyyah yang kini lebih dikenali sebagai Naqsyabandiyyah dengan mengetengahkan konsep Fana sesudah Baqa dan lebih gemar kepada Ahwal Sukr kemabukan mengatasi Ahwal Sahwu berkesedaran. Beliau juga telah berkata, "Qabadhz pada Qalb adalah Basath bagi Nafs dan Basath pada Qalb adalah Qabadhz bagi Nafs."

Beliau berkata, "Jika seseorang Darwisy berjalan tanpa Muraqabah, maka dia adalah seorang yang Ghafil berkelalaian. Matlamat dapat dicapai dengan dua langkah, pertama adalah menjauhi Nafs keakuan diri dan yang kedua adalah tetap teguh mematuhi perintah Allah."

أصول الفقه

أصول الفقه مروڤاكن منهاج أونتوق مڠإستنبات حكوم شرع، مروڤاكن ڤندوان أونتوق مماهامى سرت منتفسير القرآن دان السنة كتيك مروموس حكوم أحكام. ڤنتفسيرن يڠ دبوات اداله بركائيتن دڠن حكوم شرع، تيدق ترماسوق حكوم عقيدة. منهاج اداله جالن يڠ اكن ممندو سسؤرڠ ڤڠكاجى منموئى كبنرن سام ادا دالم بنتوق بريتا يڠ هندق دڤستيكن كصحيحن ڤرخبرن ملالوئى ڤريوايتن يڠ سمڤاى كڤد اصلڽ اتو ايسو يڠ هندق دڤستيكن كبنرنڽ اتو كڤلسوان بوقتيڽ. شرط منهاج ڤولا مستيله تله سديا وجود دالم ديرى مأنسي يائت سچارا سمولاجادى دالم دسر ڤميكيرن مأنسيا. ملالوئى منهاج يڠ تله سديا وجود اين، إيا أكن منجادى ڤپرو دان ڤپوكوڠ كڤد ڤمبهاروان دان تيدق سوينڠ-وينڠڽ بوليه دڤرمائينكن اتو مڠوبه حكوم شرع.

ڤركاتاءن "أصول" براصل درى بهاس عرب دان مروڤاكن كلمة جمع باڬى ڤركاتاءن "أصل" يڠ برارتى أساس باڬى سسواتو. اداڤون ڤد إصطلاح علماء، كلمة "أصل" مڠندوڠى ببراڤ معنى بردسركن كڤد ببراڤ ڤڠڬوناءن، انتاراڽ برأرتى دليل، كڤاتاءن يڠ رجيحدان يڠ ڤاليڠ تڤت، قاعده دان ڤرمولاءن حكوم يڠ مولا برلاكو. ڤركاتاءن "الفقه" درى سڬى بهاس برارتى علم دان كفاهمن تنتڠ سسواتو. ڤركاتاءن فقه يڠ دڬوناكن ددالم القرآن تيدقله سماتا-ماتا مروجوع كڤد علم ماله مروجوع كڤد كفاهمن يڠ تليتى، تڠڬاڤن يڠ تاجم دان مڠتاهوئى توجوان ڤرچاكڤن. اداڤون ڤركاتاءن فقه ڤد إصطلاح علماء يائت سواتو علم تنتڠ حكوم-حكوم شرع يڠ برصفات ڤربواتن عمالى يڠ دڤت دأوسهاكن درڤد دليل-دليل تفصيليه يڠ ترڤرينچى اتو دڤت جوڬا دكاتاكن بهاوا فقه اداله حكوم-أحكام إيت سنديرى.

FADHILAT NISHFU SYA'ABAN

Hadhrat Mu'adhz Ibni Jabal Radhiyallahu 'Anhu meriwayatkan bahawa Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, **"Allah menilik kepada makhluk-makhlukNya pada malam Nishfu Sya'aban, maka Dia member keampunan kepada semua makhlukNya kecuali bagi seorang Musyrik atau seorang yang sedang bermusuhan bergaduh sesama Muslim." [Ibnu Hibban & At-Tabarani]**

Hadhrat Imam Asy-Syafi'i Rahmatullah 'Alaih berkata, **"Dan telah sampai riwayat kepada kami bahawa sesungguhnya dikatakan Doa itu diterima pada lima malam: 1) Malam Jumaat 2) Malam Hari Raya 'Aidil-Adha 3) Malam Hari Raya 'Aidil-Fithri 4) Malam pertama daripada bulan Rejab, dan 5) Malam Nishfu Sya'aban." [Al-Umm]**

Nishfu Sya'aban ialah pada malam ke-15 daripada bulan Sya'aban menurut kiraan kalendar Islam